

KTPK 18/4/2.01Jld.5(12)

Ibu Pejabat
Jabatan Ukur Dan Pemetaan
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur

15 September, 1998.

**PEK. KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.6/1998
:: Penggunaan Format Pelan Akui Saiz A3 ::**

1.0 Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk membenarkan penggunaan borang pelan saiz A3 bagi Pelan Akui.

2.0 Latarbelakang

- 2.1 Mengikut amalan sekarang, plotan Pelan Akui menggunakan borang pelan saiz A2 (420mm X 594mm) sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling KPUP bil. 3/1985.
- 2.2 Penggunaan saiz tersebut seringkali didapati terlalu besar terutamanya bagi kerja-kerja kecil atau yang mempunyai jumlah lot yang sedikit. Manakala plotan grafik bagi kerja tersebut dilukis menggunakan skala yang lebih besar daripada yang diperlukan dan ianya tidak dapat mengoptimalkan penggunaan borang saiz tersebut. Walau bagaimanapun dengan kemudahan pencetak laser yang dibekalkan di negeri-negeri membolehkan Pelan Akui saiz A3 (297mm X 420mm) yang lebih berkualiti disediakan dengan cepat dan efisien.
- 2.3 Cadangan untuk menggunakan saiz Pelan Akui yang lebih kecil ini adalah bersesuaian dengan langkah penjimatan Jabatan bagi mengurangkan perbelanjaan awam selaras dengan Arahan Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan bil. 4 dan bil. 6 Tahun 1997.
- 2.4 Walau bagaimanapun, kaedah penyediaan PA Strata menggunakan borang pelan saiz A2 serta penomborannya hendaklah diteruskan mengikut amalan sekarang.

3.0 Format Baru Pelan Akui

3.1 Format Pelan Akui Saiz A2 dan A3

Penggunaan borang pelan saiz A2 sebagaimana dalam Pekeliling KPUP bil. 3/1985 hendaklah diteruskan manakala format A, B dan C bagi saiz A3 digunakan mengikut bentuk grafik yang akan disediakan dengan ciri-ciri format seperti berikut :

| Jenis Format | A | B | C |
|--|---------------|------------------|----------------|
| Margin minima: atas&bawah/ kiri&kanan | 13.5mm / 15mm | 15mm /13.5mm | 13.5 mm / 15mm |
| Ruang untuk teks | 80mm x 270mm | 390mm x 80 mm | 80mm x 390mm |
| Ruang untuk grafik | 270mm x 310mm | 390mm x 190mm | 190mm x 390mm |

3.2 Format Pelan Akui Saiz A3 Bagi Kegunaan JUBL

Pelan Akui yang disediakan oleh Juruukur Tanah Berlesen hendaklah menggunakan format yang sama beserta sijil di tempat yang sesuai.

4.0 Penomboran Pelan Akui

Untuk melicinkan lagi urusan pendaftaran dan penyimpanan pelan akui, kaedah penomboran berikut hendaklah diikuti:

- 4.1 Nombor Pelan Akui mengikut siri yang sedia ada, tetapi cara penomboran dibuat secara kelompok mengikut saiz pelan.

Contoh:

Pelan Akui saiz A2 menggunakan siri 50001 hingga 59999 manakala Pelan Akui bersaiz A3 menggunakan siri 60000 hingga 69999. Ini akan dapat menjimatkan sekali ganda ruang simpanan.

- 4.2 Juruukur Tanah Berlesen boleh memohon nombor bagi kedua-dua saiz PA secara kelompok bagi memudahkan prosedur penomboran ini dipatuhi.

5.0 Skala Pelan

Penggunaan skala untuk Pelan Akui hendaklah mengikut sebagaimana yang ditetapkan di para (e) Pekeliling KPUP bil. 4 / 1978.

6.0 Bahan Pelan Akui

Bagi menyediakan Pelan Akui menggunakan pencetak laser, hanya bahan poliester bersaiz A3 mengikut spesifikasi dalam Pekeliling KPUP bil. 4/1993 sahaja yang dibenarkan.

7.0 Tarikh Kuatkuasa

Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa mulai (3) bulan dari tarikh pengeluarannya.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

t.t.

(DATO' ABDUL MAJID BIN MOHAMED)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

Aqihan kepada :

Semua Pengarah Ukur Negeri

Salinan kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan)
Pengarah Ukur Bahagian (Penyelarasan Kadaster)
Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan)
Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik)
Setiausaha,
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia.

